

## Anwar serah sumbangan Al-Quran terjemahan bahasa Inggeris dan bahasa Korea

Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam, menyerahkan sumbangan naskhah Al-Quran dengan terjemahan bahasa Inggeris dan bahasa Korea untuk kegunaan masyarakat beragama Islam di Korea Selatan. Penyerahan itu dilakukan ketika pertemuan Perdana Menteri dengan Presiden Persekutuan Muslim Korea (KMF), Hussein Kim Dong Eok, yang berlangsung selama kira-kira 30 minit. KMF adalah sebuah badan rasmi yang diiktiraf sebagai badan induk untuk mewakili masyarakat Islam di Korea Selatan.

(Foto BERNAMA)



# Lawatan PM ke Korea Selatan raih potensi pelaburan RM32.8b

Hubungan dua hala dalam pelbagai bidang turut diperkukuh

Daripada Syarifah Dayana Syed Bakri

dayana@mediaprima.com.my

di Korea Selatan



Lawatan rasmi Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Korea Selatan berakhir semalam, berjaya memperoleh potensi pelaburan mencecah RM32.8 bilion daripada pelbagai bidang.

Perdana Menteri berkata, pertemuan dengan 'chaebol' dan beberapa syarikat terkemuka Korea Selatan berjaya menjana pelbagai potensi pelaburan berim-

pak tinggi.

"Setakat ini potensi pelaburan yang berjaya dijana daripada lawatan ini mencecah RM32.8 bilion dan eksport segera dari Malaysia mencecah RM1.3 bilion," katanya pada sidang media bersama media Malaysia di sini, semalam.

Beliau mengakhiri lawatan selama tiga hari ke Korea Selatan semalam, selepas menerima jemputan Presiden, Yoon Suk Yeol.

Anwar berkata, lawatan rasminya sejak Ahad lalu turut mengukuhkan lagi hubungan dua hala kedua-dua negara dan pertemuan bersama syarikat besar Korea Selatan juga membuka ruang serta peluang untuk menarik pelaburan berimpak tinggi ke Malaysia.

Ketika ini, ada kira-kira 400 syarikat Korea Selatan beroperasi di Malaysia dalam pelbagai sektor, termasuk pembinaan.

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Aziz yang turut mengiringi lawatan Per-

dana Menteri, berkata potensi pelaburan yang berjaya dijana adalah daripada sektor kenderaan elektrik (EV), logam untuk aplikasi EV, biofarmaseutikal, teknologi hijau, pemerangkapan dan penyimpanan karbon serta hidrogen hijau.

"Buat masa ini, hanya Hyundai Motor membuat pengumuman rasmi selepas komitmen mereka berjaya diluluskan lembaga pengarah (Hyundai Motor)," katanya.

Hyundai Motor semalam, mengumumkan pelaburan AS\$479 juta (kira-kira RM2.14 bilion) di Malaysia untuk lima tahun akan datang bermula 2025.

Hyundai Motor akan bekerjasama dengan Inokom Corporation Sdn Bhd, sebuah syarikat tempatan untuk menaik taraf kilang pengeluarannya di Kulim.

Kilang yang dinaik taraf itu dijadual memulakan pengeluaran kenderaan pelbagai guna (MPV) dan minivan Staria keluaran Hyundai menjelang per-

tengahan 2025, dengan rancangan untuk memperluaskan rangkaian termasuk SUV bersaiz sederhana hingga besar.

Hyundai Motor memaklumkan, skala pengeluaran akan bermula dengan 20,000 unit setahun dan rancangan pengembangan secara berperingkat.

### Bawa pelaburan ke Kedah

Sementara itu, menjawab soalan berkaitan dakwaan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor bahawa terdapat plot dicipta untuk menggagalkan pelaburan swasta di negeri itu, Anwar secara berseloroh berkata:

"Saya juga ejen Kedah (dalam membawa pelaburan luar ke Kedah). Walaupun dia (Sanusi) kata begitu, tetapi saya masih sokong Hyundai untuk melabur (di Kulim).

"(Walaupun) ada beberapa tempat (pilihan) lain, tetapi kerana infrastruktur yang disediakan dan juga saluran eksport melalui pelabuhan Pulau Pinang

dan Lapangan Terbang Pulau Pinang, (maka) kita cadang di Kulim," katanya.

Dalam perkembangan berasingan, Perdana Menteri berkata, Malaysia sudah meminta penyelesaian proses perolehan pesawat pejuang FA-50M buatan Korea Selatan yang sebelum ini proses itu ditetapkan muktamad pada 2026.

"Kita meminta disegerakan (proses) pembelian yang beberapa tahun lalu diputuskan (iaitu) 18 unit pesawat FA-50M, yang sepatutnya sampai pada 2026. Kalau boleh dipercepatkan," katanya tanpa memperincikan proses rundingan mempercepatkan perolehan itu.

Pada September lalu, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin, berkata pengeluar pesawat berkenaan, Korea Aerospace Industries (KAI) dan syarikat Hanwha Aerospace sudah mencapai tahap 38 peratus pembinaan pesawat berkenaan bagi pembelian bernilai RM4 bilion itu.